



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/4
Tarikh : 5 Mei 2026

PEKELILING AKADEMIK BIL. 16/2026

Semua Dekan/Pengarah
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan,

PENAWARAN KURSUS SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2025/2026

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Pendaftaran Kursus Semester 3 Sesi Akademik 2025/2026 akan dibuka kepada pelajar mulai **18 Mei 2026 hingga 24 Mei 2026** dan pengkuliah akan bermula pada **27 Julai 2026 hingga 13 September 2026**. Sehubungan itu, bagi Fakulti/Pusat yang merancang untuk menawarkan kursus pada Semester 3 Sesi Akademik 2025/2026 adalah diminta **memasukkan maklumat penawaran kursus ke dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP)** mulai **11 Mei 2026 hingga 17 Mei 2026**. Pihak Fakulti/Pusat perlu mengambil perhatian mengenai perkara-perkara berikut:

- i. Kursus-kursus yang ditawarkan hendaklah dimasukkan nama pensyarah yang terkini. Sekiranya terdapat kursus yang diajar oleh pensyarah luar UKM, **nama pensyarah tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP)** bagi memudahkan pemantauan.
- ii. Jumlah had pelajar bagi setiap kursus yang ditawarkan hendaklah dinyatakan dengan tepat berdasarkan jumlah had pelajar yang dipersetujui oleh pensyarah untuk mengikuti kelas.
- iii. Set kursus mengikut Taraf Kursus Fakulti/Program/Tahap Pelajar hendaklah dinyatakan bagi memudahkan proses pendaftaran pelajar dan penjadualan kuliah.

...2/-



- iv. Penawaran kursus bagi pelajar ambilan di bawah Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape) hanya ditetapkan kepada dua (2) sahaja iaitu tahap Antarabangsa Khas (bagi pelajar Bukan Warganegara) dan tahap Prasiswazah (bagi pelajar Warganegara). Oleh itu, penetapan set dan had pelajar perlu diselaraskan dengan mengambil kira bilangan pelajar kedua-dua tahap tersebut.
 - v. Mengemaskini **kursus setara** bagi memudahkan proses penjadualan kuliah dan penjadualan peperiksaan akhir semester.
3. Sebarang pertanyaan, pihak Fakulti/Institut/Pusat boleh berhubung:
- i. **Prasiswazah** : Puan Nor Saribon Ramli di talian 03-89118451 atau menerusi emel: norsaribon.ramli@ukm.edu.my
 - ii. **Pascasiswazah** : Puan Zaimi Makhtar di talian 03-89118388 atau menerusi emel: zaimi@ukm.edu.my

Sekian, perhatian dan kerjasama pihak Fakulti/Institut/Pusat berhubung perkara di atas diucapkan terima kasih.

Yang benar,



PROFESOR MADYA DR. IRMAN BIN ABDUL RAHMAN
Pengarah
Pusat Pengurusan Akademik

...3/-



PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89118284/8452/8454/8457/8458/8459/8460/8461/8388/8450/8451
E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

- s.k. - Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
- Pengarah
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
 - Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
 - Pengarah
Pusat Teknologi Digital (DigitalUKM)
 - Pengarah
Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM)
 - Pengarah
Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS (UKM-CESMED)
 - Pengarah
Pusat PERMATA@Pintar Negara
 - Ketua Pentadbiran
Fakulti/Institut/Pusat
 - Semua Pegawai Tadbir (Pengajian Prasiswazah dan Pascasiswazah)
Fakulti/Institut/Pusat

